



فجایة ڦغارة تانه دان گالین ٽرغخانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,

TERENGGANU,

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/03 (7)

13 Ramadhan 1422

29 November 2001

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
Pentadbir Tanah, Kemaman.
Pentadbir Tanah, Dungun.
Pentadbir Tanah, Besut.
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
Pentadbir Tanah, Marang.
Pentadbir Tanah, Setiu.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 7/2001

Pengecualian Mengeluarkan Pemberitahu Am dan Cara Tuntutan

Premium Tanah Tambahan

1. Tujuan:

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua pentadbir tanah berhubung dengan keperluan mengeluarkan Pemberitahu Am semasa memproses permohonan-permohonan tanah berkelompok serta panduan membuat tuntutan ke atas bayaran premium tambahan yang dikenakan kepada peneroka tanah tanpa kelulusan.

2. Latarbelakang:

**2.1. Keperluan Mengeluarkan Pemberitahu Am
Semasa Memproses Permohonan Tanah
bagi Rancangan Tanah Berkelompok (RTB)**

2.1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak menyelesaikan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) yang diadakan pada 16 Ogos 2001 pada dasarnya telah bersetuju supaya Pemberitahu Am tidak dikeluarkan semasa pentadbir tanah memproses permohonan tanah RTB. Alasan yang diberikan berhubung perkara ini ialah pentadbir tanah berhadapan dengan masalah masa, tenaga dan perbelanjaan.

05 DEC 2001
Dihantar pada

Tandatangan

Kerani Kaunter/Despatch
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

2.1.2. Pengarah Tanah dan Galian Negeri telah memaklumkan persoalan ini di dalam Perjumpaan Mingguan Y.A.B. Menteri Besar bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 20 November 2001. Mesyuarat berkenaan telah mengambil perhatian kepada perkara ini dan memutuskan supaya **Pemberitahu Am tidak dikeluarkan** semasa pentadbir tanah memproses permohonan tanah di RTB. Bagaimanapun ia tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pemilih Tanah Daerah (JPTD) masing-masing berdasarkan kes-kes RTB tertentu. Pentadbir tanah hendaklah memaklumkan di dalam rang kertas MMKN tentang keputusan JPTD tersebut.

2.2. Tuntutan Premium Tanah Tambahan:

- 2.2.1. Persoalan juga timbul apabila pentadbir tanah mengeluarkan Borang 5A sebagaimana peruntukan seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara kepada pemohon-pemohon yang telah diluluskan tanahnya oleh kerajaan. Jumlah premium yang tercatat di Borang 5A tersebut adalah merupakan premium sebenar tanah yang dikenakan **termasuk** denda atau premium tambahan akibat sesuatu tempat tanah dirintah begitu lama. Kekeliruan timbul apabila premium tanah yang dikenakan dikatakan **tinggi** oleh mereka yang terlibat.
- 2.2.2. Bagi mengelakkan masalah ini, tuntutan ke atas premium tanah sebenar perlu diasangkan daripada premium tanah tambahan (denda). Ini bermakna pentadbir tanah dikehendaki memasukkan **premium tanah sebenar di dalam Borang 5A**, manakala premium tanah tambahan yang merupakan denda ke atas satu-satu rintahan itu disediakan secara berasingan. Premium tambahan itu merupakan bayaran penalti (denda) kerana rintahan dan penerokaan tanah tanpa kelulusan sebagaimana para 3.3.2. Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 6/2001 bertarikh November 2001.

3. Tindakan oleh Pentadbir Tanah:

- 3.1. Berdasarkan perhatian di atas, semua pentadbir tanah hendaklah mengambil tindakan sebagaimana berikut:-
- (i) Pemberitahu Am semasa memproses tanah di RTB tidak diperlukan **kecuali** Jawatankuasa Pemilih Tanah Daerah meminta pentadbir tanah berbuat demikian. Semua keputusan mengenai sama ada Pemberitahu Am perlu dikeluarkan atau sebaliknya hendaklah dimasukkan semasa penyediaan rang kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- (ii) Bayaran premium sebenar tanah hendaklah menggunakan Borang 5A sebagaimana kehendak Kanun Tanah Negara. Jika ada bayaran premium tambahan yang merupakan penalti atau denda kerana rintahan dan penerokaan tanah tanpa kelulusan hendaklah dimasukkan di dalam helaian berasingan sebagaimana di Lampiran 'A'.
- (iii) Bagi tujuan penyelarasan penggunaan Borang 5A, semua pentadbir tanah dikehendaki menggunakan sepenuhnya borang tersebut mengikut kehendak Seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara. Borang 5A berkenaan disertakan. Penggunaan borang yang telah ditetapkan ini, diharap akan dapat mengatasi masalah pengubahsuaian borang oleh setengah-setengah pentadbir tanah.

4. **Pemakaian Dan Tarikh Kuatkuasa:**

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM ”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu.
2. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian.
3. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian.
4. Pegawai Sistem Maklumat.
5. Fail Timbul.

Kanun Tanah Negara

Borang 5 A

(Seksyen 81 dan 82)

NOTIS GENAP MASA HASIL TANAH DIBAYAR

Bil. Permohonan Tanah.....

Kepada.....
yang beralamat di.....

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki dalam tempoh.....
dari tarikh notis ini disampaikan supaya *membayar/memasukkan dalam
deposit di Pejabat Tanah daerah ini wang-wang yang berikut—

Cukai bagi tahun yang pertama	\$
Premium	\$
Bayaran Ukur (tidak termasuk Tanda Sempadan)	\$
Tanda Sempadan	\$
Penyediaan dan pendaftaran suratan hakmilik tetap	\$
 Jumlah ...	 _____

Adalah diberi notis bahawa jika jumlah wang tersebut di atas tidak
*dibayar/dimasukkan dalam deposit dengan sepenuhnya dalam tempoh yang
dinyatakan itu, maka menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen *81/82,
Kanun Tanah Negara—

*kelulusan atas permohonan tuan/puan akan luput.

*permohonan tuan/puan akan disifatkan sebagai telah ditarik balik.

Bertarikh pada.....haribulan....., 19.....

Pentadbir Tanah.....

(T.M.) *Daerah*.....

* Potong sebagaimana yang sesuai.

[Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara, Malaysia, menurut Pemberitahu
Undangan No. 12 tahun 1964—AG 3309 SF 1; PTTM 5/65 (4).]

L—J.P.N., K.L.

LAMPIRAN 'A'

Premium Tambahan (Denda)

Bayaran hasil tahunan x lama rintahan
(Bayaran penalti (denda) kerana rintahan
dan penerokaan tanpa kelulusan) =

Bertarikh pada Haribulan 20.....

Pentadbir Tanah

Daerah